

Portal **semakan** WTD

■ *Sistem beroperasi tahun depan memudahkan mohon wang tidak dituntut*

“

Semakan WTD ini tidak mempunyai tarikh luput, jadi jika tiada keperluan mendesak, orang ramai tidak perlu membuat semakan serentak pada satu masa hingga mengakibatkan kesesakan di kaunter JANM”

Jabatan Akauntan Negara



hukan proses semakan lebih cepat dan mudah tanpa perlu

bersusah payah beratur di kaunter.

“Namun apa yang perlu lebih difahami masyarakat adalah semakan WTD ini tidak mempunyai tarikh luput. Jadi jika tiada keperluan mendesak, orang ramai tidak perlu membuat semakan serentak pada satu masa hingga mengakibatkan kesesakan di kaunter JANM,” katanya menerusi e-mel, semalam.

Kenyataan itu mengulas laporan muka depan Harijan Metro, semalam, mengenai

senario di Pejabat Pendaftar JANM di tingkat 42, Menara Maybank, di sini, yang diserbu ribuan orang sehari sejak beberapa hari lalu untuk membuat semakan WTD.

Ia berikutan gara-gara tular di media sosial mengenai seorang wanita yang mendakwa mendapat RM14,000 selepas membuat semakan WTD miliknya.

Mengulas lanjut, JANM berkata, orang ramai turut dinasihatkan membawa buku akaun simpanan asal atau lain-lain dokumen berkaitan

sekiranya pergi ke pejabat JANM negeri di seluruh negara untuk membuat semakan.

“Buat masa ini, tiada kemudahan semakan secara dalam talian, telefon ataupun e-mel dibenarkan, namun kita juga tidak menetapkan sebarang tarikh luput.

“Ini bermakna semakan dan permohonan boleh dilakukan pada bila-bila masa dan buat masa ini tiada sebarang caj yang akan dikenakan bagi tujuan itu,” katanya.